

04/09/1997

Perangi penyangak ekonomi

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat bersama-sama kerajaan menghadapi `penyangak antarabangsa' yang sedang bergiat cergas menyerang ekonomi negara dan beberapa negara jiran.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, sokongan padu rakyat terhadap langkah yang diambil kerajaan bagi memerangi `penyangak antarabangsa' itu amat penting bagi memastikan ekonomi negara terus kukuh dan rakyat dapat terus menikmati faedahnya.

"Apa yang sudah dibina dengan rapi melalui usaha-usaha rakyat cuba dihancurkan oleh spekulator yang tidak berhati perut ini demi keuntungan diri mereka.

"Sekali gus ini memberi makna buruk kepada pasaran bebas yang dilaung-laungkan," katanya dalam perutusan menerusi buku cenderamata sempena Perhimpunan Agung Umno selama empat hari yang bermula dengan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), esok.

Perhimpunan agung Pemuda dan Wanita akan dirasmikan serentak oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Timbalan Presiden Umno, manakala perasmian Perhimpunan Agung Umno akan dilakukan Dr Mahathir pada Jumaat.

Perdana Menteri berkata, serangan berbentuk spekulasi terhadap mata wang negara dan beberapa negara jiran sejak akhir-akhir ini oleh `penyangak-penyangak antarabangsa' amat dikesali.

Dr Mahathir berkata, perbuatan `penyangak-penyangak antarabangsa' itu serba sedikit menjejaskan ekonomi negara-negara yang menjadi sasaran mereka.

"Kita tidak akan membenarkan mereka ini merosakkan ekonomi yang sedang membangun," katanya.

Perdana Menteri juga mengajak rakyat supaya menjadi bangsa peneroka yang sedia menyahut cabaran agar mereka dapat menjadi umat yang termaju.

Sambil mengingatkan bahawa dunia tidak akan menunggu mereka, Dr Mahathir berkata: "Janganlah hendaknya pihak-pihak lain saja yang berjaya memonopoli ilmu-ilmu baru sedangkan kita masih meronta-ronta di belakang."

Kepada anggota Umno, Dr Mahathir berkata pengguguran perkataan `Baru' pada nama parti itu ketika perhimpunan agung kali ini bermakna terhapuslah segala keraguan terhadap Umno sebagai satu-satunya parti yang menjadi peneraju dan pelindung bangsa sejak ia ditubuhkan pada 1946.

"Dengan itu, tamatlah satu babak dalam pergerakan parti kita. Anggota yang buat satu tempoh waktu terpisah daripada Umno sekarang sudah kembali kepada kita," katanya merujuk kepada pembubaran Parti Melayu Semangat 46 tahun lalu yang sekali gus membolehkan anggotanya kembali ke pangkuan Umno.

(END)